

DE 10.4.2015 UMS tuan rumah Seminar Public-Private Research Network

KOTA KINABALU: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat julung kalinya akan mengadakan Seminar Public-Private Research Network (PPRN) di Sabah.

PPRN merupakan inisiatif KPM bagi menggalakkan program inovasi yang berdasarkan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti serta mengukuhkan pembangunan ekonomi di Malaysia.

Inisiatif ini diumumkan oleh Perdana Menteri ketika pembentangan Bajet 2015 pada Oktober 2014 dan dilancarkan oleh beliau sendiri di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 24 Februari 2015.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh ERDEC pada Khamis, fokus perlaksanaan PPRN adalah dalam penyelesaian masalah produktiviti yang dihadapi oleh usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Inisiatif ini bermula dengan huraian masalah oleh pihak usahawan terlibat, dan kemudiannya, PPRN akan mendapatkan

satu pasukan pakar, dan ahli sains yang bersedia untuk membangunkan teknologi terkini bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Ini adalah bagi menggalakkan pembentukan kerjasama yang lebih erat di antara ahli akademik di universiti serta usahawan PKS dalam usaha menghasilkan produk berinovasi, berkualiti tinggi, kompetitif selain berbeza dengan produk-produk lain.

Bagi penyelesaian masalah ini, PPRN akan menyediakan geran kepada usahawan PKS yang terpilih. PPRN akan memberikan dana pembiayaan sehingga RM50,000 bagi setiap permasalahan yang bakal diselesaikan dengan kerjasama pihak usahawan dengan ahli akademik.

Untuk keterangan lanjut berkenaan PPRN, bolehlah merujuk kriteria permohonan dan skop projek yang diperlukan di laman web rasmi PPRN, www.pprn.moe.gov.my.

Bagi tujuan ini, KPM telah memberikan mandat kepada pihak ERDEC, UMS sebagai pusat penggerak kepada pelaksanaan PPRN di Sabah.

Seminar PPRN di Sabah akan

dilaksanakan pada 16 April, bermula jam 8 pagi hingga 11 pagi di Auditorium Utama, Tingkat 3, Blok B, Bangunan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UMS.

Oleh itu, syarikat-syarikat dan industri di Sabah yang berminat dijemput untuk menyertai Seminar ini di mana pihak KPM akan memberikan penjelasan lanjut mengenai bagaimana inisiatif ini beroperasi.

Bagi mereka yang bersedia dengan masalah teknologi atau isu yang perlu untuk diselesaikan, pihak ERDEC akan mengadakan sebanyak lima kali sesi bengkel khusus PPRN dan terhad kepada 20 - 25 usahawan PKS yang terpilih bagi setiap sesi bengkel dan akan dilaksanakan sepanjang tahun bermula pada sebelah petang 16 April sejurus selepas tamat Seminar PPRN pada pagi itu.

Syarikat dan industri yang berminat untuk menyertai Seminar pada pagi 16 April 2015 dan juga menyertai salah satu daripada empat sesi bengkel khusus PPRN bolehlah menghubungi pihak Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC), di 088-320 176, atau emel di erdec@ums.edu.my.